

Kerajaan menimbang menambah peruntukan bantuan kepada mangsa terjejas akibat banjir dan perkara itu dijangka diumumkan dalam masa terdekat.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Shahidan Kassim berkata, ketika ini mangsa banjir menerima bantuan khas RM500 bagi setiap keluarga yang berdepan musibah itu.

“Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi selaku Pengerusi Jawatankuasa Bencana Negara dijangka membuat pengumuman tambahan peruntukan itu kelak,” katanya selepas melawat dan menyampaikan bantuan makanan kepada 156 mangsa banjir daripada 69 keluarga yang berada di pusat pemindahan Sekolah Kebangsaan (SK) Changkat Jong, di sini, semalam.

Shahidan berkata, tahun lalu kerajaan memperuntukkan RM500 juta bagi tujuan membantu mangsa banjir di seluruh negara.

“Walaupun kerajaan berdepan masalah dan krisis ekonomi, tetapi bagi kes penting seperti keselamatan, pendidikan dan bencana alam, kerajaan memberi tumpuan yang serius,” katanya.

Menurutnya, semua agensi kerajaan se-

Cadang tambah bantuan

■ Pengumuman peruntukan dibuat tidak lama lagi

KEADAAN halaman rumah penduduk yang dipenuhi air banjir. Gambar kecil, Shahidan memangku Muhd Ziqrin Mohd Azrol ketika melawat mangsa banjir di SK Changkat Jong.

perti Jabatan Kebajikan Masyarakat, Pejabat Daerah dan Jabatan Pertanian digerakkan untuk membantu mangsa banjir.

“Kita mahu semua pihak berbilang bagaimana untuk memulihkan kehidupan mangsa banjir kerana mereka adalah aset penting bagi ke-

rajaan,” katanya.

Sementara itu, Shahidan memberi jaminan mengemukakan permohonan khas kepada Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak bagi mendapatkan peruntukan khas untuk menaik taraf ban sepanjang Sungai Bidor di Mukim Changkat Jong yang mudah dilimpahi air hingga menyebabkan banjir di ka-

wasan kampung.

“Saya minta Pegawai Daerah Hilir Perak mengemu-

kakan laporan dan kos untuk dikemukakan kepada Perdana Menteri,” katanya.

